

Maklumat Tambahan (a)

- i. Jadual 1: Bilangan penganggur mengikut kumpulan umur, Malaysia dan Selangor, 2018-2022

('000)

Kumpulan Umur	2018	2019	2020	2021	2022
Umur Bekerja (15-64 tahun)					
Malaysia	504.3	508.2	711.0	733.0	603.4
Selangor	99.6	103.4	156.2	158.5	134.3
Belia (15-30 tahun)					
Malaysia	411.2	416.4	492.	510.3	446.4
Selangor	73.1	75.9	83.2	94.8	67.2

Sumber: Survei Tenaga Buruh, DOSM

- ii. Jadual 2: Kadar penganggur mengikut kumpulan umur, Malaysia dan Selangor, 2018-2022

(%)

Kumpulan Umur	2018	2019	2020	2021	2022
Umur Bekerja (15-64 tahun)					
Malaysia	3.3	3.3	4.5	4.6	3.9
Selangor	2.8	2.9	4.3	4.3	3.6
Belia (15-30 tahun)					
Malaysia	6.8	6.7	8.3	8.1	7.3
Selangor	5.7	6.1	7.4	6.8	5.5

Sumber: Survei Tenaga Buruh, DOSM

- iii. Konsep Asas Statistik Tenaga Buruh

- a. Statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) dan merujuk kepada penduduk yang berumur 15-64 tahun semasa minggu rujukan. STB menggunakan rekabentuk pensampelan berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah untuk mendapatkan maklumat anggaran tenaga buruh dan pengangguran peringkat penduduk. Survei ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan badan antarabangsa iaitu *International Labour Organization* (ILO) yang diguna pakai oleh kebanyakan negara.

- b. **Menganggur** merujuk kepada mereka yang berada dalam tenaga buruh yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja atau mencari kerja dalam minggu rujukan.
- c. **Kadar Pengangguran** ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk dalam tenaga buruh.
- d. **Belia**, mengikut definisi Dasar Belia Malaysia (DBM) ialah penduduk dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun.